

Berita Harian : 5 Ogos 2017

Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)

PILIH PEMIMPIN ADA INTEGRITI, TUNAIKAN JANJI

<p><i>“Seseorang pemimpin perlu amanah, berakhhlak dan berbudi mulia serta dapat memberi teladan kepada rakyat dan beriltizam tinggi untuk memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat”</i></p>	<p><i>“Pada era penyebaran maklumat tanpa sempadan, pemimpin yang tidak berakhhlak menjadikan fitnah sebagai fakta. Sementara fakta atau perkara yang diubah menjadi bahan fitnah yang boleh memudaratkan ummah. ”</i></p>	<p><i>“Jadikan PRU akan datang sebagai agenda mencari persamaan dan lupakan sengketa politik demi kekuatan Melayu dan martabat Islam yang jitu dan unggul ”</i></p>
---	--	---

Pilihan Raya Umum (PRU) dijangka berlaku tidak lama lagi akan jadi medan penting kepada rakyat memilih pemimpin yang akan menjadi penentu masa hadapan orang Melayu, Islam dan negara. Kebijaksanaan dan kecekapan pemimpin adalah penting untuk mengukuhkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang berbilang kaum.

Rakyat perlu bijak dan menggunakan pertimbangan akal yang rasional untuk memilih organisasi kepimpinan yang terbukti boleh memggembleng seluruh jentera negara untuk pembangunan ummah dan tanah air. Pemimpin mesti terdiri daripada mereka yang berintegriti dan penuh keikhlasan.

Seorang pemimpin perlu amanah, berakhhlak dan berbudi mulia serta memberi teladan kepada rakyat dan beriltizam tinggi untuk memberi keutamaan kepada rakyat dalam segala keputusan diambil. Selain itu, tanggungjawab sebagai pemimpin juga perlu dilaksanakan dengan penuh ketelusan.

Pemimpin berjiwa rakyat perlu mempunyai jati diri yang kuat serta bersedia dari segi mental dan fizikal dalam mengumpul dan memahami masalah rakyat dengan meletakkan strategi penyelesaian berkesan kepada rakyat. Pemimpin yang ada agenda tersendiri dengan menyalahgunakan sistem demokrasi melalui PRU untuk mencapai agenda sendiri, keluarga atau kumpulan tertentu tidak boleh dipilih dan mesti ditolak.

Mereka tidak memperjuangkan hak kepentingan rakyat, jadi mereka bukan pemimpin berjiwa rakyat. Begitu juga, mana-mana pemimpin yang berjuang demi membala dendam politik tidak ikhlas untuk bela nasib rakyat. Pemimpin seperti ini perlu diketepikan.

Pemimpin tidak berakhhlak jadikan fitnah sebagai fakta

Kita perlu pemimpin yang mengamalkan dan menghayati nilai moral seperti kepercayaan kepada pencipta-Nya dan jujur dalam melaksanakan tugas. Mereka juga mesti amanah sehingga dapat diberi tanggungjawab dengan kepercayaan dan berilmu.

Mutakhir ini, rakyat berdepan pemimpin yang dilihat hanya bijak berpidato dan berhujah mengenai kepincangan negara daripada aspek integriti termasuk isu ketirisan dalam pengurusan negara. Pada era penyebaran maklumat tanpa sempadan, pemimpin yang tidak berakhhlak mejadikan fitnah sebagai fakta. Sementara fakta atau perkara baik diubah menjadi fitnah yang boleh memudaratkan ummah.

Jiwa dan pemikiran pemimpin serta pasukannya seperti ini menyebarkan maklumat yang tidak ada kepastian dan kebenarannya. Sebagai contoh, dalam Islam untuk memastikan kebenaran, diperlukan empat saksi berwibawa untuk mengesahkan berlaku zina agar individu dituduh tidak teraniaya. Tetapi dengan ledakan maklumat tanpa batas, pemimpin tidak berakhhlak sanggup menabur pelbagai fitnah tanpa fakta sahih atau saksi beramanah hingga ada yang percaya dan terpedaya.

Kita mesti akui, rasuah merendahkan martabat insan kepada hamba harta, kekayaan serta jawatan yang diperolehi secara haram di sisi agama. Namun demikian, ada pemimpin meminta rakyat menjauhi rasuah kerana amalan itu boleh mendatangkan impak kepada negara.

Pada masa sama, mereka turut mengamalkan dan seolah-olah membenarkan rasuah terjadi. Pemimpin seperti ini ibarat ‘cakap tidak serupa bikin’ dan mesti ditolak. Perbuatan tidak bermaruah ini adalah pengkhianat kepada negara kerana mengambil kesempatan diatas kedudukan sebagai pemimpin. Rakyat perlu tolak pemimpin tidak ikhlas dan tidak berjiwa rakyat seperti ini.

Kita perlukan pemimpin yang boleh menjadi penggerak kepada keutuhan Islam serta perpaduan orang Melayu dan bukan pemimpin yang semata-mata meletakkan perhitungan politik sebagai keutamaan. Kita perlu memilih pemimpin yang mempunyai keikhlasan dan ketegasan dalam mempertahankan kesucian Islam.

Jika tanggungjawab terhadap urusan Islam gagal dipantau dan ditangani secara tegas, kita bimbang Islam mudah diperkotak-katikkan. Islam sudah mula dijadikan instrumen bertujuan meraih pengaruh dan mendapatkan kuasa sehingga ke peringkat sedia berkompromi kepada perkara yang menyentuh akidah.

Setiap pemimpin yang dipilih mesti meletakkan agama Islam pada kedudukan tertinggi di negara ini selaras dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan ‘Islam adalah agama bagi Persekutuan’. Kita perlu pemimpin yang sentiasa bermuhasabah diri dalam setiap tindakan sebagai pemimpin yang menjaga kepentingan rakyat dan perpaduan ummah seperti ditekankan Islam.

Perlu sedar tujuh wasiat Raja-Raja Melayu

Kita memerlukan pemimpin yang ada semangat seperti ini agar umat Islam lebih dihormati dan tidak mudah diperkotak katikkan. Jadikan PRU akan datang sebagai agenda mencari persamaan dan lupakan sengketa politik demi kekuatan Melayu dan martabat Islam yang jitu dan unggul. Kita sedar kebelakangan ini bahawa ada parti politik membuka ruang lebih luas antara satu parti dengan parti yang lain bagi perkara kebijakan ummah bersama dan ini harus dipupuk dan disokong sepenuhnya oleh orang Islam dan Melayu negara ini jika tujuannya murni.

Kita perlukan pemimpin yang sentiasa berusaha merapatkan saf dan bersatu serta mengenepikan perbezaan sesama kita.

Pemimpin perlu sedar mengenai tujuh wasiat Raja-Raja Melayu yang disampaikan ketika menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957.

Antara wasiat itu termasuk Islam sebagai agama. Persekutuan. Rakyat akan lebih berkeyakinan terhadap tumpuk pemerintahan yang berkeupayaan untuk meguruskan ketenteraman, keamanan, dan kesejahteraan negara.

Pemimpin yang memegang pada janji dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh berintegriti adalah tonggak utama kepada kesejahteraan Islam, Melayu dan negara tercinta ini. Merekalah pemimpin sebenarnya yang sejati serta berjiwa rakyat.

